



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Noor Dellyna Aljawanis Azlan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2026). Akal budi masyarakat dalam teks “Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan” melalui aplikasi teori pengkaedahan melayu. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 398–414. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.22>

AKAL BUDI MASYARAKAT DALAM TEKS “CERITA RAKYAT KELANTAN: HIMPUNAN SELURUH JAJAHAN” MELALUI APLIKASI TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

(Intellectual Wisdom of Society in the Text “Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan” Through the Application of Malay Methodological Theory)

¹Nor Dellyna Aljawanis Azlan & ²Mohd Firdaus Che Yaacob

^{1&2} Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan, Malaysia

¹*Corresponding author: c25d3497f@siswa.umk.edu.my*

Received: 15/02/2026

Revised: 16/06/2026

Accepted: 23/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan kisah yang terjadi pada suatu ketika dahulu yang disampaikan oleh generasi nenek moyang kita kepada waris-warisnya yang kemudiannya berkembang sehingga kini. Cerita rakyat juga banyak memberi nasihat serta pengajaran kepada pembaca atau pendengarnya. Rentetan daripada itu, kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi masyarakat dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Kajian ini turut dibataskan dengan hanya memfokuskan kepada akal budi masyarakat yang terdapat di dalam 10 teks terpilih yang mewakili setiap jajahan di kelantan dalam naskhah *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* karya Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob serta Abdul Latif Abu Bakar pada tahun (2023). Penyelidikan ini juga menggunakan reka bentuk kualitatif yang bersandarkan kepada kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai fokus utama kajian. Hasil dapatan

kajian mendapati bahawasanya akal budi masyarakat yang terdapat di dalam naskhah *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* telah membuka ruang kepada pendedahan mengenai nilai-nilai murni yang telah ditonjolkan oleh masyarakat terdahulu lebih-lebih lagi dalam cerita rakyat Kelantan.

Kata kunci: akal budi, Kelantan, seluruh jajahan, Teori Pengkaedahan Melayu, masyarakat.

ABSTRACT

Folklore serves as a timeless narrative medium, handed down through generations, that encapsulates the ethos, moral values, and wisdom of past societies. Grounded in this premise, this study examines the manifestation of akal budi within the text Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan. The scope of this research is strictly focused on analyzing 10 selected folk stories, each representing a distinct district in Kelantan extracted from the anthology compiled by Nasirin Abdillah, Mohd Firdaus Che Yaacob and Abdul Latif Abu Bakar (2023). Employing a qualitative framework centered on library research and textual analysis, this investigation applies Hashim Awang's Malay Methodology Theory as its foundational lens. The findings demonstrate that the selected folklore functions as a vital cultural repository, illuminating the noble virtues, social philosophy, and ethical conduct embedded within traditional Kelantanese society.

Keywords: akal budi, Kelantan, districts, Malay Methodology Theory, society.

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan cerita yang diwarisi secara turun-temurun dari generasi ke generasi yang lain secara lisan. Cerita rakyat juga diertikan sebagai ekspresi suatu budaya dalam masyarakat melalui pertuturan serta mempunyai hubungan langsung dengan aspek budaya serta susunan sosial. Menurut Yasin (1991), cerita rakyat merupakan hasil kreatif golongan rakyat desa terdahulu yang memiliki kehidupan sederhana. Hal ini bertujuan untuk memberi nasihat dan pendidikan formal kepada anggota masyarakat di samping menghiburkan mereka. Selain itu juga, Dananjaya pada tahun (1997) pula menyatakan bahawasanya cerita rakyat merupakan kisah mengenai perjuangan cinta yang tergolong sebagai karya sastra dalam bentuk cerita yang diwariskan secara turun-temurun. Pada awalnya, cerita rakyat terhasil daripada penglipur lara yang bertanggungjawab sebagai penyebar cerita rakyat kepada masyarakat. Ia juga telah disampaikan secara lisan yang telah menyebabkan masyarakat tidak mengenali siapakah pengarang yang mencipta cerita-cerita tersebut.

Manakala, akal budi pula merujuk kepada suatu perbuatan yang menonjolkan kecerdasan diri seseorang melalui tindakan mahupun pertuturan. Menurut Musa (2008), takrifan “akal” dan “budi” pada umumnya merujuk kepada makna yang hampir sama iaitu perkataan “akal” datangnya daripada bahasa Arab manakala “budi” pula berasal daripada bahasa Sanskrit. Hal ini berkait rapat dengan hujah yang diketengahkan oleh Tuan Adnan dan Yaacob pada tahun (2020). Mereka beranggapan bahawasanya seseorang yang mempunyai sifat akal budi akan selalu mendahulukan perbuatan-perbuatan yang baik tanpa sedikitpun mengharapkan kepada balasan daripada orang lain. Segala pertolongan yang yang diberikan kepada individu lain sudah semestinya akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Kenyataan ini telah disokong oleh Rahman (2021), yang turut menyatakan bahawa akal budi merupakan suatu tindakan yang menonjolkan pemikiran beraras tinggi oleh seseorang individu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, individu tersebut sudah pasti mempunyai kewarasan dan kebijaksanaan yang mampu mendorong mereka untuk berfikir dengan lebih waras dan matang sewaktu hendak melakukan sebarang tindakan.

Rentetan daripada itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi masyarakat dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Kajian ini dibataskan dengan memfokuskan kepada akal budi masyarakat di seluruh jajahan di Kelantan menerusi 10 teks terpilih daripada naskhah karya Abdillah et al (2023). Bagi mencapai objektif tersebut, penyelidikan kualitatif ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan analisis teks bersandarkan kepada Teori Pengkaedahan Melayu sebagai fokus utama. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penyingkapan akal budi dalam naskhah ini berjaya membongkar serta mengangkat nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh masyarakat terdahulu, khususnya menerusi warisan cerita rakyat Kelantan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan pemerhatian awal, kajian ini mendapati bahawasanya wujud beberapa kajian terdahulu yang meneliti tentang cerita rakyat. Antara kajian lepas yang turut menjadikan cerita rakyat sebagai tunjang kajian mereka adalah kajian yang berjudul *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater* karya Hamizan et al. (2020), merumuskan bahawa kajian ini bertujuan untuk mengkaji potensi cerita rakyat Melayu di Sarawak sebagai karya teater serta menghasilkan dokumentari berkaitan kajian tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual dengan penduduk Melayu di Sarawak bagi memperoleh maklumat yang tepat untuk memudahkan proses analisis. Antara cerita rakyat yang diketengahkan sebagai bahan kajian termasuk Bawang Putih Bawang Merah dan Puteri Gunung Ledang, yang dianalisis bagi mengenal pasti tradisi lisan dalam masyarakat Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemilihan cerita rakyat yang sesuai memainkan peranan penting dalam memastikan setiap lapisan masyarakat dapat mengenali dan menghargai warisan budaya tersebut. Berbeza dengan kajian tersebut, kajian ini pula memberi tumpuan khusus kepada aspek akal budi masyarakat menerusi pemfokusan yang lebih menyeluruh, iaitu melibatkan 10 buah cerita rakyat yang mewakili setiap jajahan di Kelantan dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu.

Sarjana lain iaitu Hanafiah dan Yaacob (2021) turut meneliti cerita rakyat menerusi kajian *Cerminan Nilai-Nilai Islam dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah*. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang menzahirkan sifat keislaman sebenar menerusi kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks. Kajian tersebut dibataskan kepada naskhah *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan memfokuskan cerita *Mengapa Pinggan Kerengga Ramping*, *Bawang Putih Bawang Merah*, *Kaca Bertukar Emas*, dan *Raja Kuyuk* berasaskan Teori Takmilah. Hasil kajian merumuskan bahawa cerita rakyat berfungsi sebagai cerminan dalam memperlihatkan nilai-nilai Islam. Berbeza dengan kajian tersebut yang berasaskan Teori Takmilah untuk meneliti nilai-nilai Islam menerusi cerita rakyat secara umum, kajian ini pula memberikan fokus yang lebih terperinci terhadap pemikiran tempatan dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi merungkai akal budi masyarakat menerusi 10 buah cerita rakyat yang mewakili seluruh jajahan di negeri Kelantan.

Menurut Hanipah et al. (2021), menerusi kajian bertajuk *Ritual Dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia*, cerita rakyat didefinisikan sebagai naratif Nusantara yang disampaikan secara lisan dan diwarisi rentas generasi. Pengkaji berpandangan bahawa cerita rakyat bukan sekadar medium hiburan dan penyampaian nilai, malah mempunyai keterikatan yang erat dengan kehidupan serta kebudayaan masyarakat. Justeru, kajian tersebut bertujuan mengenal pasti hubungan cerita rakyat dengan kebudayaan menerusi unsur ritual di Mukim Bebar dengan mengaplikasikan Teori Fungsionalisme. Penyelidikan kualitatif ini menggabungkan kaedah kepustakaan dan kerja lapangan melalui temu bual

berstruktur bersama tukang cerita tempatan. Hasil kajian mendapati wujudnya hubung kait yang rapat antara cerita rakyat dengan amalan kebudayaan masyarakat Melayu yang masih diamalkan hingga kini. Meskipun kajian tersebut berfokus kepada aspek ritual dan kebudayaan tempatan di Pahang menerusi Teori Fungsionalisme, kajian ini pula mengambil pendekatan berbeza dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menelusuri akal budi masyarakat menerusi 10 buah cerita rakyat yang mewakili keseluruhan jajahan di negeri Kelantan.

Tuan Adnan dan Yaacob (2022) pula turut menjalankan penyelidikan bertajuk *Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak dan Remaja*. Kajian ini memperlihatkan bahawa cerita rakyat bukan sahaja mengandungi nilai murni, malah berupaya membentuk jati diri serta sifat kepimpinan dalam diri kanak-kanak dan remaja. Memandangkan pendedahan mengenai aspek sosioekonomi dalam cerita rakyat masih kurang diperincikan oleh para sarjana, kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis interaksi sosioekonomi dalam cerita *Kilatan Emas*. Penyelidikan ini memfokuskan aspek kepimpinan dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan, serta menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan bagi menyokong analisisnya. Walaupun kajian tersebut turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu, fokusnya terhad kepada interaksi sosioekonomi dan kepimpinan dalam sebuah cerita sahaja, sedangkan kajian ini mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh dengan menganalisis akal budi masyarakat menerusi 10 buah cerita rakyat yang merangkumi seluruh jajahan di negeri Kelantan.

Di samping itu, Tuan Adnan dan Yaacob (2023) juga menerusi kajian bertajuk *Akal Budi dalam Cerita Rakyat: Interpretasi Sosiobudaya Kanak-Kanak dan Remaja* turut meneliti pemikiran masyarakat dalam tradisi lisan. Kajian tersebut bertujuan mengenal pasti dan menganalisis akal budi dalam cerita rakyat Melayu, yang ditekankan sebagai cerminan imej serta manifestasi kehidupan budaya masyarakat yang kian ditelan zaman. Kajian kualitatif ini memfokuskan tiga buah cerita rakyat dari jajahan Tanah Merah, Kelantan iaitu *Misteri Penunggu Merah*, *Amukan Lembaga Hitam*, dan *Haji Mahmud Tokoh Agama* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Kemasyarakatan. Hasil kajian merumuskan bahawa akal budi dalam cerita rakyat mengandungi pengajaran penting yang membuktikan interpretasi sosiobudaya masyarakat Melayu. Meskipun kajian tersebut turut menganalisis akal budi di Kelantan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu, ruang lingkupnya hanya terhad kepada interpretasi sosiobudaya di jajahan Tanah Merah semata-mata, manakala kajian ini pula menawarkan analisis akal budi yang lebih menyeluruh menerusi 10 buah cerita rakyat yang mewakili seluruh jajahan di negeri Kelantan.

PENYATAAN MASALAH

Penyataan masalah dalam kajian ini wujud berpunca daripada kelompangan kajian-kajian lepas yang belum membincangkan aspek akal budi secara menyeluruh dan merangkumi seluruh jajahan di negeri Kelantan. Walaupun terdapat kajian terdahulu yang menyentuh aspek akal budi atau nilai murni, skop kajian tersebut kebanyakannya bersifat terhad kepada daerah tertentu atau berfokus kepada sudut pandang yang berbeza. Antara kajian yang telah diteliti termasuklah kajian *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* oleh Zakaria et al. (2019), *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* (2020) serta *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu* (2021) oleh Hanafiah dan Yaacob, *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda"* oleh Hedel dan Subet (2020), *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Lagenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Yaacob (2021), serta *Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Interpretasi Sosio Budaya Kanak-Kanak Dan Remaja* oleh Adnan dan Yaacob (2023). Kebanyakan kajian lepas ini hanya meneliti cerita rakyat dari kawasan yang terhad seperti Lembangan Sungai Pengkalan Datu atau Jajahan Tanah Merah sahaja, selain lebih berfokus

kepada aspek mitos, nilai Islam atau sosiobudaya kanak-kanak. Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang kajian dari segi keholistikan pemetaan akal budi masyarakat Kelantan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis akal budi masyarakat secara komprehensif menerusi 10 buah cerita rakyat yang mewakili setiap jajahan di Kelantan berasaskan aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu.

Selain itu, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu terhadap naskhah cerita rakyat Kelantan yang merangkumi seluruh jajahan masih belum diterokai secara komprehensif oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kebanyakan kajian terdahulu hanya menggunakan teori ini untuk meneliti aspek tertentu seperti sosioekonomi atau terhad kepada sesebuah jajahan sahaja. Di samping itu, kajian yang menghubungkan akal budi masyarakat menerusi pemetaan wilayah secara holistik di Kelantan masih belum dilaksanakan secara mendalam. Sebagai lanjutan daripada itu, sebuah kajian baharu yang menghuraikan secara terperinci berkaitan akal budi dan moraliti masyarakat dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu wajar dilakukan. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharap dapat memberikan nilai tambah serta impak baharu kepada dunia pengkajian sastera, di samping membuka minda masyarakat mengenai kearifan tempatan dan keunggulan cerita rakyat Kelantan sekali gus mengangkatnya ke peringkat yang lebih tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Pada bahagian metodologi, kajian ini mengetengahkan reka bentuk kualitatif yang merangkumi dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan serta analisis teks. Menerusi kaedah kepustakaan, penelitian terhadap sumber-sumber berkaitan yang terdapat di dalam dokumen-dokumen yang berkait dengan tajuk kajian telah dijalankan. Proses penelitian serta pengumpulan data dilakukan dengan merujuk kepada buku, tesis, artikel, jurnal mahupun sumber-sumber bertulis lain yang dianggap berkait dengan penyelidikan ini. Segala maklumat yang diterima kebanyakannya diperoleh daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan.

Seterusnya, kaedah kedua yang turut digunakan adalah analisis teks. Kaedah ini dijalankan dengan berlandaskan sepenuhnya kepada sebuah naskhah yang bertajuk *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* yang ditulis oleh Abdillah et al. (2023). Naskhah ilmiah ini menjadi sumber rujukan utama bagi penyelidikan yang dijalankan. Sebanyak 10 buah cerita rakyat dari seluruh jajahan telah dipilih untuk ditelusuri dengan lebih mendalam pada bahagian analisis dan perbincangan. Antaranya, *Wira Pasir Puteh* (Jajahan Pasir Puteh), *Luluhnya Hati Seorang Puteri* (Jajahan Jeli), *Kesaktian Lima Pahlawan Awang* (Jajahan Gua Musang), *Asal Usul Nama Kampung Beris Lalang* (Jajahan Bachok), *Asal Usul Pasir Mas (Si Pendakwah Bersama Si Pembawa Perahu)* (Jajahan Pasir Mas), *Kebijaksanaan Pok Teh* (Jajahan Machang), *Kisah Kehebatan Tok Isak* (Jajahan Kota Bharu), *Jebak Puyuh* (Jajahan Tumpat), *Kampung Pinggir Stong* (Jajahan Kuala Krai) serta *Batu Garam* (Jajahan Tanah Merah). Keseluruhan inti pati yang terkandung merupakan cerita rakyat yang difokuskan secara langsung pada negeri Cik Siti Wan Kembang. Kajian ini juga telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menjalankan analisis yang lebih mendalam dan teliti. Penggunaan teori ini dianggap lebih sinonim dengan gaya hidup yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu. Bagi penentuan kategori akal budi pula, kajian ini menggunakan pendekatan yang muncul daripada data. Hal ini bermaksud, pengkaji tidak menetapkan sebarang kategori akal budi lebih awal, sebaliknya membaca dan menganalisis kesemua 10 cerita rakyat tersebut terlebih dahulu. Daripada pembacaan mendalam ini, pengkaji mengenal pasti dan mengumpul setiap peristiwa, perlakuan watak serta pengajaran yang menunjukkan akal budi masyarakat.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori Pengkaedahan Melayu ini merupakan salah sebuah teori yang memperjuangkan kritikan sastera yang berkaitan dengan agama Islam. Hal ini kerana, teori ini merupakan teori yang diperkenalkan oleh Hashim Awang yang merupakan salah seorang sarjana Islam pada tahun 1989 untuk mengukuhkan lagi kritikan sastera yang berpandukan kitab Taj-al-Muluk. Teori yang diperkenalkan ini juga mempunyai hubung kait antara kehidupan manusia dengan alam semula jadi yang membentuk kitaran dalam kehidupan seharian. Teori ini juga dipecahkan kepada 2 pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah serta Pengkaedahan Keagamaan. Bagi Pengkaedahan Alamiah, ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral serta Pendekatan Firasat. Manakala bagi Pengkaedahan Keagamaan pula, ia turut dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Seni, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Kemasyarakatan. Pengkaedahan Keagamaan ini juga merupakan pendekatan yang berpandukan kepada nilai ketaqwaan dan keimanan yang berkaitan dengan tauhid dan akidah Islam.

AKAL BUDI MASYARAKAT DALAM CERITA RAKYAT KELANTAN

Pada bahagian ini, sifat akal budi masyarakat yang terdapat di dalam korpus *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* akan dianalisis dengan lebih terperinci. Antara sifat akal budi masyarakat dalam cerita rakyat Kelantan yang diketengahkan adalah akal budi melalui kebijaksanaan kepimpinan, akal budi melalui perlakuan baik hati, akal budi melalui kebijaksanaan dalam membuat keputusan, akal budi melalui sifat kasih sayang, akal budi melalui keikhlasan, akal budi melalui sifat tawaduk, akal budi melalui keberanian, akal budi melalui ketaatan, akal budi melalui sifat keprihatinan terhadap alam sekitar serta akal budi melalui sikap bertanggungjawab terhadap keluarga.

Akal Budi Melalui Kebijaksanaan Kepimpinan (Jajahan Pasir Puteh)

Menurut Ardelt (2004), kebijaksanaan pemimpin memainkan peranan yang penting dalam menyokong proses-proses organisasi yang berkemampuan menangani pelbagai cabaran yang sangat mendesak. Kebijaksanaan juga merupakan keupayaan tertinggi dalam akal budi manusia yang menggabungkan kecerdasan fikiran, kematangan emosi, dan pertimbangan moral dalam membuat sesuatu keputusan atau tindakan yang wajar. Menerusi naskhah *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, akal budi masyarakat Melayu jelas terzahir menerusi cerita rakyat yang bertajuk Wira Pasir Puteh. Hal ini dapat dibuktikan melalui potongan teks dibawah:

“Sebelum pemberontakan dijalankan, pelbagai usaha telah dilakukan bagi menyatukan penduduk kampung. Tok Janggut telah mengumpulkan rakyat Pasir Puteh bagi meyatupadukan rakyat agar bernaung di bawah satu pentadbiran yang betul.”

(Abdillah et al., 2023: 237)

Berdasarkan petikan diatas, jelas terlihat kebijaksanaan yang ditonjolkan oleh Tok Janggut dalam memimpin penduduk kampung untuk terus bersatu dan setia di bawah naungan yang betul. Di saat British mengambil alih pemerintahan dengan kejam, Tok Janggut setia dengan tanah airnya dan memikul tanggungjawab yang besar untuk memerdekakan tanah air walaupun beliau sedar akan hukuman maut yang bakal menimpa. Kebijaksanaan yang ditonjolkan juga bukan sahaja menjadi bukti kewibawaannya dalam memerintah, malah ia turut menjadi saksi bahawasanya beliau tidak gentar untuk menghadapi sebarang

risiko dan meneruskan perjuangannya untuk memimpin masyarakat dengan keberanian dan semangat juang yang tinggi.

Selain itu, kebijaksanaan dalam kepemimpinan juga masih dapat dilihat di dalam cerita yang sama iaitu *Wira Pasir Puteh*..

“Pelbagai usaha yang dilakukan oleh Tok Janggut untuk menyelamatkan bumi Pasir Puteh. Salah satu daripadanya ialah Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya telah melaksanakan syarahan dan juga kempen kesedaran kepada penduduk kampung agar bersatu padu menentang pengutipan cukai sekali gus menentang penjajahan yang tidak sepatutnya menguasai tanah air mereka.”

(Abdillah et al., 2023: 238)

Melalui petikan di atas, dapat dilihat bahawasanya Tok Janggut sangat menitikberatkan nilai kebijaksanaan di dalam dirinya. Buktinya, beliau tanpa mengenal erti takut telah menjalankan kempen dan turut memberikan syarahan kepada masyarakat untuk terus menentang pengutipan cukai dan penjajahan. Tok Janggut juga telah menjalankan pemberontakan dek kerana cukai yang dikenakan oleh pihak British adalah tidak berpatutan dengan apa yang diperolehi oleh penduduk kampung. Hal ini dilakukan untuk menyedarkan masyarakat bahawasanya penindasan yang berlaku akan terus berleluasa sekiranya mereka hanya berdiam diri tanpa sebarang tindakan. Oleh hal yang demikian, usaha Tok Janggut ini jelas menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja berani, malah bijak dalam membela nasib rakyatnya sendiri serta mempertahankan kedaulatan tanah air daripada penjajah.

Berdasarkan perspektif Teori Pengkaedahan Melayu, kebijaksanaan Tok Janggut ini dapat diteliti menerusi Pendekatan Kemasyarakatan di bawah Pengkaedahan Keagamaan. Pendekatan ini menekankan bahawa karya sastra Melayu berfungsi sebagai cermin kearifan tempatan yang mengutamakan kesejahteraan, keharmonian, dan keadilan sosial sesebuah komuniti. Menerusi kanta pendekatan ini, kebijaksanaan kepemimpinan Tok Janggut bukan sekadar terserlah daripada keberanian fizikal, sebaliknya daripada keupayaannya menterjemahkan akal budi dengan menyatupadukan masyarakat menerusi kesedaran ilmu dan perjuangan bersama. Pendekatan ini juga menekankan unsur yang positif yang berdasarkan karya sastra. Ia dapat dilihat kerana karya sastra ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan segala persoalan yang mencetuskan kepada tujuan untuk mendapatkan keadilan dalam masyarakat dan mencari kebaikan seperti yang dituntut dalam ajaran agama Islam.

Akal Budi Melalui Perlakuan Baik Hati (Jajahan Jeli)

Dalam kearifan tempatan, perlakuan baik hati bukan sekadar nilai moral sekunder, malah ianya merupakan manifestasi keluhuran jiwa, sifat ihsan, dan ketulusan niat yang mendasari hubungan sesama manusia. Kenyataan ini disokong oleh Noordin dan Nor'aini (1992) yang menyatakan bahawasanya baik hati juga dapat ditafsirkan sebagai perasaan belas kasihan yang wujud dalam diri seseorang dan memberi manfaat kepada diri sendiri dan orang lain. Menerusi naskhah *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, sifat baik hati ini ditunjukkan melalui teks *Luluhnya Hati Seorang Puteri*:

“Hiduplah seorang Puteri Sri Dewi di bukit tersebut keseorangan tanpa ditemani sesiapa pun. Selain mempunyai sifat yang baik hati, rendah diri dan pemurah, Puteri Sri Dewi juga mempunyai barangan harian yang dibuat daripada tembikar. Setiap barangan tersebut juga mempunyai nilai yang sangat tinggi.”

(Abdillah et al., 2023: 80)

Rentetan daripada petikan di atas, jelas terlihat sikap Puteri Sri Dewi yang begitu baik hati tanpa memikirkan soal darjat dan keturunan. Dikisahkan juga, disebabkan barangan tembikarnya terlalu banyak, maka orang-orang

kampung mula meminjam tembikar-tembikar milik Puteri Sri Dewi untuk mengadakan majlis seperti majlis pernikahan. Namun disebabkan sifat Puteri Sri Dewi yang begitu baik dan pemurah, maka diberikannya tembikar tersebut tanpa banyak bicara kepada orang kampung. Dek kerana sifat Puteri tersebut yang baik, maka orang kampung pula tidak lagi segan silu untuk meminjam barangan milik Puteri Sri Dewi. Maka dengan itu, banyaklah barangan-barangan yang rosak dan ada juga yang langsung tidak dihantar pulang kepada sang Puteri. Namun, disebabkan sikap baik dan merendah diri yang ditonjolkan oleh puteri tersebut, beliau tidak pula menyuruh penduduk untuk menggantikannya semula. Hal ini selaras dengan pendapat yang diketengahkan oleh Selamat pada tahun (2001), yang berpendapat bahawasanya sifat merendah diri dan baik hati ini merupakan sebuah sikap yang tidak berlebih-lebihan dalam meneruskan kehidupan melalui perbuatan, pemikiran serta pertuturan.

Oleh hal yang demikian, Pendekatan Kemasyarakatan dilihat amat bertepatan untuk diguna pakai kerana fokus utamanya yang memberi penekanan mendalam terhadap aspek sosial, ekonomi, politik, syariat serta nilai-nilai keislaman. Pendekatan ini secara konsisten menengahkan unsur-unsur positif yang terasuh menerusi karya sastera. Hakikat ini terzahir memandangkan naskhah sastera itu sendiri berperanan sebagai wadah pendedahan terhadap pelbagai persoalan kehidupan, khususnya dalam menuntut keadilan sosial serta memupuk kemurnian akhlak sebagaimana yang dituntut dalam ajaran Islam.

Akal Budi Melalui Kebijakan Dalam Membuat Keputusan (Jajahan Gua Musang)

Dalam kehidupan seharian, manusia sudah pasti akan berhadapan dengan pelbagai situasi yang memerlukan sebuah keputusan yang bijak. Kebijakan dalam membuat keputusan merujuk kepada keupayaan seseorang untuk menilai sesuatu keadaan secara menyeluruh sebelum mengambil tindakan yang terbaik untuk dirinya sendiri dan mahupun orang lain. Ianya bukan sahaja melibatkan penggunaan akal yang rasional tetapi juga mempertimbangkan aspek moral, emosi, serta pengalaman hidup. Keputusan yang bijak selalunya berdasarkan pemikiran yang kritis, pertimbangan etika serta pemahaman terhadap kesan keputusan yang bakal diambil. Individu yang bijak dalam membuat keputusan bukan sahaja berfikir tentang kepentingan peribadi, tetapi juga mengambil kira kesejahteraan orang lain dan impaknya kepada masyarakat. Jika dilihat dari sudut pandang Kamari (2008), sarjana ini telah melontarkan hujahnya yang menyatakan bahawasanya kebijakan adalah salah satu elemen penting yang memimpin manusia ke arah kebenaran. Oleh hal yang demikian, akal budi melalui kebijakan dalam membuat keputusan ini dapat dilihat melalui teks *Kesaktian Lima Pahlawan Awang*:

“Lalu lima Awang menuju ke tempat Garuda Guasa yang membuat kekecohan tersebut. Di sana, kesemua Awang melawan Garuda Guasa dengan sekuat tenaga, dengan seorang demi seorang menyerangnya. Tetapi tidak berjaya. Namun, Awang Kecek Banyak mempunyai idea untuk menumpaskan Garuda Guasa itu dengan cara Awang Kecek Banyak memulakan pertempuran dengan bercakap tanpa henti yang menyebabkan Garuda Guasa tersebut berasa serabut dan bising dengan telatah Awang Kecek Banyak. Jadi keempat-empat Awang telah menjalankan tugas dengan menggunakan kesaktian masing-masing.”

(Abdillah et al, 2023: 43)

Rentetan daripada teks di atas, maka jelaslah terlihat akal budi melalui kebijakan dalam membuat keputusan. Hal ini dengan jelas ditonjolkan oleh Awang Kecek Banyak setelah dia melihat ketidakberhasilan lima Awang untuk menyerang Garuda Guasa sewaktu awal pertempuran. Keputusan yang dibuat oleh Awang Kecek Banyak sememangnya bernas sehinggakan ia mengelirukan pihak musuhnya. Keempat-empat Awang yanglainnya pula turut memainkan peranan yang penting kerana, sejurus selepas Awang kecek banyak mengalih perhatian Garuda Guasa itu dengan berbicara tanpa noktah, Awang Golok Besar membuat keputusan untuk melibas goloknya dengan sekuat tenaga. Kemudian, Awang Tahi Mata pula membaling tahi matanya dan Awang Telinga Besar

pula menerjah ke arah Garuda Guasa untuk menutup mata Garuda tersebut menggunakan cuping telinganya. Serentak dengan itu juga, Awang Punggung Tajam pula membaling perisainya sekuat mungkin ke arah tubuh Garuda Guasa dan akhirnya Garuda itu tewas dan lenyap di tangan mereka berlima.

Oleh hal yang demikian, akal budi yang diketengahkan oleh pengkaji ini dapat dikaitkan dengan sebuah pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pengkaedahan Alamiah iaitu Pendekatan Moral yang mengaitkan tentang aspek norma, nilai-nilai serta kepercayaan. Misalnya, cerita rakyat Kelantan ini menceritakan tentang akal budi yang menekankan soal kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Oleh hal yang demikian, nilai ini dianggap selari dengan pendekatan moral kerana menurut Awang pada tahun (2002), pendekatan ini berfungsi sebagai salah satu pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dilalui oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh di dalam kehidupan sama ada ia mampu memberikan impak baik ataupun tidak kepada seseorang individu.

Akal Budi Melalui Sifat Kasih Sayang (Jajahan Bachok)

Kasih sayang merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia, bukan sahaja dalam hubungan kekeluargaan tetapi juga dalam konteks sesama makhluk. Kasih sayang terhadap sesama makhluk merujuk kepada perasaan prihatin, hormat, dan kepedulian yang mendalam terhadap seseorang kehidupan. Hal ini selaras dengan pendapat yang diutarakan oleh Al Ghazali (1967), yang menyatakan bahawasanya kasih sayang adalah menggambarkan sifat ketinggian budi yang melembutkan hati bagi mencurahkan rasa belas kasihan. Oleh hal yang demikian, akal budi melalui sikap kasih sayang terhadap masyarakat ini dapat dilihat pada teks *Asal Usul Nama Kampung Beris Lalang* :

“Hingga larut malam, lelaki itu telah keletihan sehingga tidak mampu mencari kerbau jagaannya. Dari siang hingga ke awal pagi, lelaki itu tidak berhenti-henti berusaha mencari kerbau yang hilang itu hingga hampir seketika berputus asa. Walaupun keadaan diri lelaki itu serba kekurangan dan bukannya seorang yang berbadan sihat, namun lelaki itu mampu bertahan selama satu hari mencari kerbau yang hilang itu.”

(Abdillah et al, 2023:8)

Berdasarkan petikan teks *Asal Usul Nama Kampung Beris Lalang* di atas, jelas menunjukkan bahawa sikap kasih sayang terhadap sesama makhluk terzahir menerusi kegigihan, keprihatinan serta keengganan untuk berputus asa dalam memelihara kebajikan makhluk ciptaan Tuhan. Sikap lelaki tersebut yang sanggup bertahan dan berusaha tanpa henti dari siang hingga larut malam demi mencari kerbau jagaannya walaupun berada dalam keadaan fizikal yang serba kekurangan dan tidak sihat membuktikan wujudnya ikatan kasih sayang yang amat mendalam. Dalam konteks ini, kerbau tersebut bukan sekadar dianggap sebagai haiwan ternakan atau harta benda semata-mata, sebaliknya dipandang sebagai sebahagian daripada tanggungjawab moral serta amanah yang perlu dilindungi dengan penuh rasa kasih dan sayang.

Tindakan dan pengorbanan lelaki ini secara langsung menyokong pandangan Al-Ghazali (1967) yang menekankan bahawa kasih sayang merupakan manifestasi ketinggian budi yang berupaya melembutkan hati nurani manusia. Ketinggian budi inilah yang mendasari daya tahan serta kesabaran lelaki tersebut untuk menolak rasa putus asa demi memastikan keselamatan haiwan jagaannya. Menerusi kanta Teori Pengkaedahan Melayu di bawah Pendekatan Kemasyarakatan, tindakan yang dilakukan ini mendedahkan kearifan tempatan masyarakat Melayu terdahulu yang mendidik jiwa warganya supaya sentiasa menyemaikan nilai ihsan, empati dan juga rasa tanggungjawab terhadap sesama makhluk. Nilai-nilai murni yang dipancarkan menerusi watak ini sekali gus menterjemahkan kehalusan akal budi yang berlandaskan ajaran Islam, di mana kasih sayang dan keprihatinan dijadikan asas utama dalam membentuk keharmonisan hidup bermasyarakat serta kelestarian alam sekeliling.

Akal Budi Melalui Keikhlasan (Jajahan Pasir Mas)

Akal budi masyarakat Melayu turut terserlah secara mendalam menerusi nilai keikhlasan yang terpatrit dalam setiap tindakan dan perlakuan watak. Dalam kearifan tempatan yang berteraskan ajaran Islam, keikhlasan merupakan puncak ketulusan hati apabila sesuatu amalan ataupun pengorbanan dihulurkan tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Menurut Hamka (2015), ikhlas adalah sesuatu yang bersih tanpa campuran segala apapun. Oleh hal yang demikian, menerusi naskhah *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*, nilai keikhlasan ini terpancar melalui teks *Asal Usul Pasir Mas (Si Pendakwah Bersama Si Pembawa Perahu)*:

“Mereka berdua menyelusuri setiap pelusuk kampung di daerah ini dan mereka menjalankan satu hubungan baik dengan orang sekeliling. Kehadiran mereka seolah-olah memberi pengajaran tentang ilmu agama yang tinggi kerana setiap golongan bermula dari kanak-kanak sehingga ke warga emas diasah dengan ceramah berbentuk pengetahuan menuju ke syurga-Nya. Walaupun begitu, beliau bersama rakannya tidak mendapatkan sedikitpun bayaran daripada orang kampung”

(Abdillah et al, 2023:189)

Berdasarkan petikan teks di atas, nilai keikhlasan jelas terzahir menerusi komitmen dan ketulusan niat pendakwah serta rakannya dalam menyebarkan ilmu agama kepada masyarakat setempat. Kesediaan mereka dalam menyelusuri setiap pelusuk kampung untuk menyampaikan dakwah dan membimbing segenap lapisan masyarakat tanpa meminta atau menerima sebarang imbalan kewangan membuktikan bahawasanya perjuangan mereka berasaskan kesucian jiwa yang hakiki. Dalam konteks ini, ilmu pengetahuan dan bimbingan kerohanian yang dihulurkan merupakan manifestasi keikhlasan terhadap sesama insan demi memimpin mereka ke jalan yang benar.

Tindakan ini juga secara tidak langsung menyokong pandangan Hamka (2015) yang mentakrifkan ikhlas sebagai sesuatu yang bersih daripada sebarang campuran kepentingan peribadi mahupun ganjaran duniawi. Keikhlasan yang ditunjukkan oleh pendakwah dan pembawa perahu tersebut mendedahkan bahawa motif utama perlakuan mereka adalah berasaskan keredhaan Allah SWT semata-mata dan bukannya untuk memburu kekayaan atau kedudukan sosial. Oleh hal yang demikian, Pendekatan Kemasyarakatan dilihat amat bertepatan untuk diguna pakai kerana fokus utamanya yang memberi penekanan mendalam terhadap aspek sosial, ekonomi, politik, syariat serta nilai-nilai keislaman. Pendekatan ini secara konsisten menetengahkan unsur-unsur positif yang terasuh menerusi karya sastera. Hakikat ini terzahir memandangkan naskhah sastera itu sendiri berperanan sebagai wadah pendedahan terhadap pelbagai persoalan kehidupan, khususnya dalam menuntut keadilan sosial serta memupuk kemurnian akhlak sebagaimana yang dituntut dalam ajaran Islam.

Akal Budi Melalui Sifat Tawaduk (Jajahan Machang)

Sikap merendah diri atau tawaduk merupakan sebuah perkara yang sangat berharga dalam diri dan kehidupan seseorang manusia. Sikap merendah diri ini juga banyak mengajar seseorang individu untuk menerima segala pandangan dan pertolongan orang lain. Menurut Selamat (2001), sifat merendah diri ini merupakan sebuah sikap yang tidak berlebih-lebihan dalam meneruskan kehidupan melalui perbuatan, pemikiran serta pertuturan. Menurut Marimba (1981) pula, merendah diri berasal daripada perkataan “tawaduk” yang memberi erti kepada sifat merendahkan diri kepada sesuatu perkara yang diagungkan. Oleh hal yang demikian, akal budi melalui sifat tawaduk ini dapat dilihat pada teks *Kebijaksanaan Pok Teh*:

“Kebijaksanaan yang terdapat di dalam diri merupakan anugerah Tuhan yang amat istimewa. Pok Teh merupakan seorang yang rendah diri dan tidak pentingkan diri sendiri dan menjadikan diri beliau setaraf dengan orang lain. Bagi beliau, ilmu yang diperoleh harus dikongsi agar dapat diamalkan oleh masyarakat.”

(Abdillah et al., 2023: 158)

Melalui petikan teks di atas, jelas terlihat sifat tawaduk dan etika merendahkan diri sesama manusia yang ditunjukkan oleh Pok Teh. Hal ini kerana, Pok Teh merupakan seorang yang sangat disegani di dalam masyarakat. Sepanjang hidupnya, pelbagai macam perkara telah dilakukan oleh beliau untuk membantu orang-orang kampungnya. Beliau juga dilihat sentiasa merendahkan diri walaupun beliau mempunyai ilmu yang tinggi. Beliau juga berusaha keras untuk membantu penduduk kampung ke arah yang lebih baik. Pok Teh telah berusaha dengan gigih bagi melaksanakan impiannya dan orang kampung untuk membina sebuah madrasah. Oleh hal yang demikian, beliau telah bertemu dengan Tunku Abdul Rahman bagi memperoleh peruntukan untuk pembinaan madrasah yang diinginkan. Di sini juga, jelas terlihat sikap Pok Teh yang merendahkan diri dek kerana beliau tidak malu untuk meminta pertolongan daripada Tunku Abdul Rahman. Sikap merendahkan diri sesama manusia ini juga turut dilihat apabila Pok Teh tidak terus membina madrasah tersebut, akan tetapi, beliau terlebih dahulu meminta izin dengan orang-orang kampung untuk membina madrasah tersebut di kampung itu. Setelah dipersetujui, barulah madrasah tersebut dibangunkan dengan jayanya di kampung tersebut.

Pendekatan Kemasyarakatan dilihat lebih sesuai digunakan kerana pendekatan ini memberi penekanan terhadap sosial, ekonomi, politik, syariah serta sudut keislaman. Pendekatan ini juga menekankan unsur yang positif yang berdasarkan karya sastera. Ia dapat dilihat kerana karya sastera ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan segala persoalan yang mencetuskan kepada tujuan untuk mendapatkan keadilan dalam masyarakat dan mencari kebaikan seperti yang dituntut dalam ajaran agama Islam.

Akal Budi Melalui Keberanian (Jajahan Kota Bharu)

Keberanian adalah salah satu sifat yang paling penting yang harus ada pada diri seseorang manusia. Ianya merangkumi keberanian untuk membuat pertimbangan, bertindak berdasarkan nilai, dan menghadapi halangan dalam pelbagai keadaan secara peribadi dan profesional. Jika dilihat dari sudut pandang Noordin dan Nor'aini (1992), mereka menegaskan bahawa keberanian merupakan antara sifat teras yang mendasari keperibadian seseorang individu mahupun pemimpin. Sifat ini dizahirkan menerusi keunggulan keyakinan diri serta ketabahan jiwa yang berupaya memandu mereka mendepani pelbagai keperitan dan cabaran kehidupan. Oleh hal yang demikian, akal budi melalui sifat tawaduk ini dapat dilihat pada teks *Kisah Kehebatan Tok Isak*:

“Tok Isak membuat keputusan untuk menangkap buaya yang bermain di perairan tersebut. Tok Isak akhirnya berjaya menangkap semua buaya di situ dengan ilmu yang dia ada.”

(Abdillah et al., 2023: 154)

Berdasarkan petikan teks di atas, sifat keberanian Tok Isak terzahir secara jelas menerusi keteguhan tekad dan keberanian beliau ketika membuat keputusan untuk menangkap buaya yang mengancam keselamatan penduduk kampung. Tindakan Tok Isak yang tidak gentar berhadapan dengan ancaman haiwan buas tersebut membuktikan keunggulan keyakinan diri dan ketabahan jiwa dalam mendepani situasi krisis yang amat berbahaya. Menariknya, keberanian Tok Isak bukanlah bersifat bertindak meluru atau bergantung kepada kekuatan fizikal semata-mata sebaliknya dipandu oleh ilmu pengetahuan dan kearifan yang dimiliki olehnya. Hal ini membuktikan bahawa keberanian dalam acuan akal budi Melayu sentiasa bersandarkan kecerdasan minda serta penggunaan ilmu yang betul demi keselamatan sejagat.

Oleh hal yang demikian, akal budi yang diketengahkan oleh pengkaji ini dapat dikaitkan dengan sebuah pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pengkaedahan Alamiah iaitu Pendekatan Moral yang mengaitkan tentang aspek norma, nilai-nilai serta kepercayaan. Misalnya, cerita rakyat Kelantan ini menceritakan tentang akal budi yang menekankan soal keberanian. Oleh hal yang demikian, nilai ini dianggap selari dengan pendekatan moral kerana menurut Awang pada tahun (2002), pendekatan ini berfungsi sebagai salah satu

pendekatan yang menunjukkan pengalaman yang dilalui oleh setiap individu, setiap ilmu yang diperoleh di dalam kehidupan sama ada ia mampu memberikan impak baik ataupun tidak kepada seseorang individu.

Akal Budi Melalui Ketaatan (Jajahan Tumpat)

Ketaatan merupakan antara tiang seri utama dalam pembentukan akal budi masyarakat Melayu yang mencerminkan kepatuhan, kesetiaan, dan penghormatan terhadap ajaran agama serta norma kemasyarakatan. Secara dasarnya, ketaatan dan adab dalam acuan Islam serta pemikiran Melayu merujuk kepada pengiktirafan dan pengakuan akan kedudukan yang sewajarnya. Oleh hal yang demikian, akal budi melalui sifat ketaatan ini dapat dilihat menerusi teks *Jebak Puyuh*:

“Pada malamnya, Tok Merah telah bermuhasabah diri dan berdoa kepada Allah S.W.T agar diampunkan kesalahannya kerana lalai dengan kecintaan duniawi. Dan mulai saat itu, Tok Merah beristiqamah dan tidak mudah lalai dengan pemberian-Nya.”

(Abdillah et al., 2023: 311)

Petikan di atas jelas menunjukkan ketaatan diri dalam beribadah yang ditonjolkan oleh Tok Merah. Beliau dengan sangat takut berdoa kepada Allah SWT untuk memohon kemaafan di atas kelalaiannya yang lupa untuk menunaikan solat sunat Dhuha dek kerana terlalu sibuk mengejar duniawi. Tindakan Tok Merah bermuhasabah dan beristiqamah ini mendedahkan bahawa ketaatan dalam acuan akal budi Melayu tidak sekadar terzahir menerusi kepatuhan fizikal semata-mata, sebaliknya berakar umbi daripada kesedaran spiritual yang mendalam. Kesedaran Tok Merah tentang kelalaian diri serta ketakutan beliau terhadap kemurkaan Allah SWT menterjemahkan konsep ketaatan yang hakiki iaitu meletakkan keutamaan akhirat melebihi kenikmatan duniawi yang bersifat sementara.

Rentetan dari petikan di atas, akal budi melalui ketaatan ini juga dapat dikaitkan dengan sebuah pendekatan dalam teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan. Ianya dilihat lebih sesuai digunakan kerana pendekatan ini memberi penekanan terhadap sosial, ekonomi, politik, syariah serta sudut keislaman. Pendekatan ini juga menekankan unsur yang positif yang berdasarkan karya sastera. Ia dapat dilihat kerana karya sastera ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan segala persoalan yang mencetuskan kepada tujuan untuk mendapatkan keadilan dalam masyarakat dan mencari kebaikan seperti yang dituntut dalam ajaran agama Islam.

Akal Budi Melalui Sifat Keprihatinan Terhadap Alam Sekitar (Jajahan Kuala Krai)

Keprihatinan terhadap alam sekitar merujuk kepada kesedaran, sikap dan tindakan proaktif seseorang individu serta masyarakat dalam memastikan kelestarian ekosistem semula jadi. Ia melibatkan usaha untuk mengurangkan pencemaran udara, air serta mencegah kemusnahan habitat semula jadi. Keprihatinan terhadap alam sekitar tidak hanya berkaitan dengan pemeliharaan alam semula jadi tetapi juga dengan kesejahteraan manusia yang bergantung kepada sumber semula jadi untuk kehidupan harian. Dengan mengekalkan keseimbangan ekosistem, manusia dapat memastikan ketersediaan sumber makanan, air bersih dan udara yang sihat adalah mencukupi. Oleh hal yang demikian, keprihatinan terhadap alam sekitar bukan sahaja tanggungjawab individu tetapi juga memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Akal budi melalui sikap keprihatinan terhadap alam sekitar ini dapat dilihat di dalam teks *Kampung Pinggir Stong*:

“Pengembaraan Pok Dik telah mengajar beliau ilmu perhutanan yang luas di gunung tersebut. Ia juga telah membuka mata Pok Dik mengenai keindahan alam semula jadi ciptaan Tuhan.”

“Beberapa hari kemudian, Pak Cik Bahar yang lebih dikenali sebagai Pak Do Bahar, telah mengajak Pok Dik untuk mendaki Gunung Stong. Setibanya mereka di sebuah air terjun, mereka berhenti untuk

membuat khemah menggunakan kayu beratapkan kayu bertam. Pak Do Bahar telah tertarik dengan kawasan itu dan ingin membina sebuah tempat pelancongan di kawasan tersebut.”

(Abdillah et al., 2023: 110)

Berdasarkan petikan teks di atas, keprihatinan terhadap alam sekitar jelas terpancar menerusi pengamatan, apresiasi serta interaksi harmonis watak Pok Dik dan Pak Do Bahar terhadap khazanah alam di Gunung Stong. Kesedaran Pok Dik yang menyedari keindahan flora dan fauna sebagai ciptaan Tuhan telah menterjemahkan kehalusan akal budi masyarakat Melayu yang memandang alam semula jadi bukan sekadar objek fizikal, sebaliknya sebagai manifestasi keagungan Maha Pencipta yang perlu dihormati dan dihargai. Tambahan pula, tindakan Pak Do Bahar yang menggunakan sumber semula jadi seperti kayu dan daun bertam untuk mendirikan tempat berteduh serta hasrat beliau untuk memajukan kawasan air terjun tersebut sebagai destinasi pelancongan telah membuktikan bahawasanya wujud kearifan tempatan dalam memanfaatkan alam secara lestari tanpa merosakkan ekosistem asal.

Menerusi kanta Teori Pengkaedahan Melayu di bawah Pengkaedahan Alamiah, Pendekatan Gunaan dilihat lebih sesuai untuk dikaitkan dengan naratif dalam cerita rakyat Jajahan Kuala Krai ini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, ianya mampu memperlihatkan bagaimana kearifan ekologi tempatan dapat diterapkan dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini mendedahkan bahawa akal budi masyarakat Melayu sentiasa meletakkan alam sekitar sebagai sebahagian daripada kehidupan yang perlu dipelihara demi kelangsungan sumber, keharmoniaan komuniti serta kesejahteraan generasi berasaskan falsafah hidup yang mesra alam.

Akal budi melalui sikap bertanggungjawab terhadap keluarga (Jajahan Tanah Merah)

Tanggungjawab kepada keluarga merupakan sebuah kewajiban yang perlu dipikul oleh setiap individu untuk memastikan kesejahteraan serta keharmonian di dalam sesebuah institusi kekeluargaan terus terbela. Institusi kekeluargaan merupakan sebuah unit asas dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian, setiap ahli keluarga sudah pasti memainkan peranan yang amat penting untuk membentuk sebuah kehidupan yang stabil serta penuh dengan rasa kasih sayang. Rentetan daripada itu, Noh & Yusooft pada tahun (2011) telah menyatakan bahawasanya, keluarga diertikan sebagai sebuah unit sosial yang terdapat di dalam masyarakat yang secara tidak langsung telah menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, akal budi melalui sikap bertanggungjawab terhadap keluarga ini dapat dilihat di dalam teks *Batu Garam*:

“Semasa dalam perjalanan, si ayah berbual dengan anak lelakinya sambil memberi nasihat. Kata si ayah, menjadi seorang lelaki mestilah bertanggungjawab dan menjaga kebajikan kepada keluarga. Si anak hanya akur mendengarnya. Dalam perjalanan dan asyik bersembang, si ayah terlanggar sebuah batu yang agak besar dan mengakibatkan cedera di bahagian lututnya. Si anak menjadi tidak tentu arah dan memikirkan bagaimana hendak merawat luka ayahnya. Semasa dalam perjalanan si anak terlihat air yang mengalir dari sebuah batu yang agak besar dan warnanya agak pelik iaitu bewarna hitam. Si anak terdengar bunyi seseorang berkata “ambillah air itu dan rawatlah luka ayahmu”.”

(Abdillah et al., 2023: 299)

Berdasarkan petikan teks di atas, manifestasi tanggungjawab kepada keluarga terzahir secara jelas menerusi peranan si ayah sebagai pembimbing dan keprihatinan si anak sebagai pelindung. Nasihat si ayah yang menekankan bahawa seseorang lelaki wajib bertanggungjawab serta menjaga kebajikan keluarga menterjemahkan kearifan tempatan dalam merencanakan kepimpinan kekeluargaan yang berteraskan amanah dan kewajipan. Manakala, reaksi si anak yang berasa tidak tentu arah serta kegigihannya mencari jalan untuk merawat luka si ayah membuktikan penerimaan dan penghayatan nilai tanggungjawab tersebut secara serta-merta. Tindakan si anak yang bertindak pantas menggunakan air penawar demi menyembuhkan ayahnya

mencerminkan kehalusan akal budi Melayu yang menjunjung tinggi nilai kebaktian, kasih sayang serta ketaatan anak terhadap orang tuanya.

Pendekatan Kemasyarakatan dilihat lebih sesuai digunakan kerana pendekatan ini memberi penekanan terhadap sosial, ekonomi, politik, syariah serta sudut keislaman. Pendekatan ini juga menekankan unsur yang positif yang berdasarkan karya sastera. Ia dapat dilihat kerana karya sastera ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan segala persoalan yang mencetuskan kepada tujuan untuk mendapatkan keadilan dalam masyarakat dan mencari kebaikan seperti yang dituntut dalam ajaran agama Islam. Tambahan pula, nilai tanggungjawab pada keluarga telah digariskan dalam Islam. Buktinya, hal ini selaras dengan sabda Rasulullah S.A.W iaitu:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي، وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَقَدْ عُوهُ

Maksudnya: Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap keluarganya sendiri dan aku adalah yang paling baik terhadap keluargaku sendiri. Dan disaat salah seorang daripada ahli keluarga kamu meninggal dunia, maka tinggalkanlah dia dan jangan berbicara soal keburukannya.

(Hadis Riwayat Tirmidzi: 3895)

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan bahawa naskhah *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan* (Abdillah et al., 2023) bertindak sebagai wadah tekstual yang merepresentasikan dan menyampaikan keluhuran akal budi masyarakat Melayu terdahulu. Berdasarkan analisis yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa teks-teks sastera rakyat ini bertindak sebagai media budaya yang menyimpan nilai dan falsafah hidup masyarakat terdahulu. Oleh hal yang demikian, kajian ini berjaya merumuskan sepuluh dapatan utama yang merepresentasikan kepelbagaian akal budi masyarakat Kelantan, iaitu akal budi melalui kebijaksanaan kepimpinan, perlakuan baik hati, kebijaksanaan dalam membuat keputusan, sifat kasih sayang, keikhlasan, sifat tawaduk, keberanian, ketaatan, keprihatinan terhadap alam sekitar serta sikap bertanggungjawab terhadap keluarga. Setiap manifestasi nilai ini telah dizahirkan menerusi watak dan jalan cerita dalam teks-teks terpilih dari pelbagai jajahan, sekali gus mencerminkan kearifan tempatan yang berteraskan nilai kemanusiaan, ekologi, dan pegangan kerohanian Islam.

Selain itu, dapatan utama ini juga secara langsung telah menjawab dan memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu mengenal pasti serta menganalisis aspek akal budi masyarakat dalam teks *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Dari sudut sumbangan teoritikal dan sastera, kajian ini memberi impak signifikan terhadap pemantapan Teori Pengkaedahan Melayu khususnya menerusi integrasi Pendekatan Kemasyarakatan, Pendekatan Moral serta Pendekatan Gunaan sebagai kerangka yang berkesan untuk menelusuri teks sastera lisan tempatan. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan tersendiri dari segi metodologi di mana skop analisisnya terhad kepada analisis tekstual dan kepustakaan sahaja. Kajian ini tidak melibatkan pendekatan sosiologi atau kajian lapangan untuk mengukur sejauh mana naratif tersebut memberi kesan secara langsung terhadap psikologi atau norma tingkah laku masyarakat pada masa kini. Oleh hal yang demikian, bagi memperluas wacana ilmiah dalam bidang ini, penyelidikan lanjut dicadangkan untuk melaksanakan kajian penerimaan khalayak bagi menilai sejauh mana wacana akal budi ini dihayati oleh masyarakat moden, di samping menjalankan kajian perbandingan antara cerita rakyat Kelantan dengan negeri-negeri lain untuk melihat variasi representasi akal budi secara lebih komprehensif.

PENGHARGAAN

Pelaksanaan penyelidikan ini dijalankan secara sendiri tanpa menerima sebarang geran pembiayaan khusus daripada agensi sektor awam mahupun komersial. Penyelidikan ini juga turut dilaksanakan bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana dalam bidang Industri Kreatif di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan buat penyelia utama di atas bimbingan serta kesabaran beliau mendidik dan menyumbang idea bernilai sepanjang proses penyempurnaan kajian ilmiah ini. Komitmen dan dorongan padu daripada penyelia menjadi tunjang utama yang memandu penulis dalam mengatasi sebarang kekangan sepanjang penyelidikan. Ucapan terima kasih juga ditujukan khas buat ibu bapa tersayang yang senantiasa menjadi sumber kekuatan, menitipkan doa, dan memberikan sokongan moral yang tidak bertepi. Penulis sedar bahawa kajian ini masih mempunyai ruang penambahbaikan kerana sifatnya yang meneroka konsep secara umum. Rentetan daripada itu, penulis berharap agar wacana berkaitan akal budi tidak terhenti di sini sahaja, sebaliknya penyelidik akan datang boleh merungkai lebih banyak akal budi yang terkandung di dalam sesebuah cerita rakyat.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan bersama sepenuhnya oleh penulis makalah. Penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Abdillah, N., Yaacob, M. F. C., & Bakar, A. L. A. (2023). *Cerita Rakyat Kelantan: Himpunan Seluruh Jajahan*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Ardelt, M.(2004). Wisdom as Expert Knowledge System: A Critical review of a Contemporary Operationalization of an Ancient Concept. *Human Development*. 47:257-285.
- Awang, H. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Al-Ghazali. (1967). *Al-Munqidh Min Al-Dalal Wa-Al-Muwassil Ilá Dhi Al- Izzah Wa-Al-Jalal*.

- Dananjaya, D. (1997). *Folklor Indonesia: Ilmu Gosip, Dongeng, dan lain lain*. Jakarta: PT Pustaka Utama Grafiti.
- Hamka. (2015). *Tasawuf Modern*. Jakarta: Republika
- Hamizan, M. Q., Ali, A. W., & Sallehuddin, A. K. B. (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater: The Documentation of Oral Tradition in Malay Sarawak Folktales for Theatre Performance. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 34-41. <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.02.004>.
- Hanafiah, M. N. A. H. M. & Yaacob, M. F. C. (2021). Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal Of Business And Social Development*.
- Hanafiah, M. N. A. H. M & Yaacob, M. F. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu: Islamic Values and Moral Development in Malay Folktales. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 48-56. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4369>
- Hanafiah, M. N. A. H. M & Yaacob, M. F. C. (2021). *Penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu: Satu penelitian terhadap pendekatan karya dan khalayak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanipah, N. M. et al. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 18-29. <https://doi.org/10.47252/teniat.v9i1.396>.
- Hedel, N. E. F. & Subet, M. F. (2020). Peristiwa aneh dalam cerita rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, 3(2), 147-160. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.193>.
- Musa, H. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamari, N. (2008). *Dari Mustika ke Sang Pencinta: Nada-nada sufi dalam lirik lagu M. Nasir*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marimba, A. D. (1981). *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Al-Maruf.
- Noh, C. H. C. & Yusoff, F. (2011). *Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga Melayu di Terengganu*. Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noordin, T. A. & Nor’Aini. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Rahman, M. N, A. et al (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Culturally Responsive Pedagogy Through Folk Tales for Early Childhood Literacy Skills. *Sains Insani*, 6(1), 91-98. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.254>.
- Selamat, J. (2001). *Social reflection and noble values in adolescent novel novels* [Doctoral Thesis, Universiti Putra Malaysia].
- Tuan Adnan, T. S. N. S., & Che Yaacob, M. F. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu penelitan kemasyarakatan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.10.2020>.
- Tuan Adnan, T. S. N. S. & Yaacob, M. F. C. (2023). Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Interpretasi Sosiobudaya Kanak-Kanak Dan Remaja. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 95-107. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.7>.
- Tuan Adnan, T. S. N. S., & Che Yaacob, M. F. (2022). Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepemimpinan Terhadap Kanak-Kanak dan Remaja. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 9(1), 68-80.
- Yaacob, M. F. C. (2022). Nilai-nilai murni dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Jurnal Kajian Malaysia*, 40(1), 215–237. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.10>

- Yassin, F. M. (1991). *Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan: Satu Analisis Isi Yang Bercorak Etika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria N., Hanapi, M. H. M., Harun, M., & Mohd, F. H. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 78-87. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.26007>.